

# Imaginasi dalam Pengajaran




Pendekatan imaginatif dianggap bersifat konvensional. Namun, jika diberikan huraian secara konseptual, pendekatan ini melibatkan penglibatan seorang guru yang kreatif, kritis, dan inovatif.

**A**ntara imaginasi dengan tenaga, yang manakah lebih kuat? Jika anda menjawab "tenaga", anda bukanlah berseorangan dalam membina keyakinan ini. Ramai yang berpendapat seperti anda. Malangnya, jawapan umum ini tidak tepat. Imaginasi dianggap lebih kuat daripada kekuatan tenaga. Jika anda menyanggah dengan mengatakan, "Saya boleh mengangkat sebuah kerusi kerana saya bertenaga, tidak hanya dengan imaginasi." Maka, hujah balasnya berbunyi begini, "Tidakkah kekuatan untuk mengangkat kerusi itu datang dari imaginasi? Imaginasilah yang meyakinkan anda tentang keupayaan anda. Tanpa imaginasi yang positif, keyakinan anda hilang sebelum mencuba."

Banyak orang gagal membuang tabiat buruk kerana mereka bergantung harap kepada kekuatan tenaga masing-masing. Seorang pengumpat berusaha hendak mengenyahkan tabiat buruknya itu. Jika dia menggunakan kekuatan diri dia akan berkata berulang-ulang kali kepada dirinya sendiri dengan tujuan untuk mendapatkan keyakinan, "Aku tidak mahu mengumpat lagi." Dalam masa yang sama, imaginasinya mengatakan alangkah seronoknya mengumpat, alangkah indah dan leganya mengumpat. Dapat dirumuskan, selagi imaginasi masih berkata sedemikian, biar sekuat mana kekuatan tenaga anda mengatakan tidak akan mengumpat lagi, suatu ketika, lama atau cepat, anda akan bersekongkol semula dengan para pengumpat. Mengapakah jadi begitu? Sifirnya, "Selama mana imaginasi dan kekuatan tenaga berlawanan sesama sendiri, mana mungkin kedua-duanya menarik ke arah yang bertentangan, imaginasi akan sentiasa berada di pihak yang menang." Apabila imaginasi dan kekuatan tenaga senada dan sekata, apabila anda menarik ke arah yang sama, satu kekuatan yang sukar dapat dibendung akan terbentuk dan kejayaan ialah jawapan kepadanya.

Melibatkan imaginasi murid dalam proses pembelajaran merupakan salah satu kunci pengajaran yang berjaya. Sebagai guru, terutama guru bahasa Melayu, disarankan untuk mengamalkannya. Namun, bagaimanakah cara untuk membuat pengajaran dan pembelajaran yang bercorak imaginatif yang mampu difahami oleh setiap murid?



“ Selama mana imaginasi dan kekuatan tenaga berlawanan sesama sendiri, mana mungkin kedua-duanya menarik ke arah yang bertentangan, imaginasi akan sentiasa berada di pihak yang menang. Apabila imaginasi dan kekuatan tenaga senada dan sekata, apabila anda menarik ke arah yang sama, satu kekuatan yang sukar dapat dibendung akan terbentuk dan kejayaan ialah jawapan kepadanya. ”

## Imaginasi dalam Pendidikan

Guru merupakan pencetus imaginasi dalam kalangan murid. Suasana pengajaran yang berkesan di bilik darjah terletak pada kuasa guru. Guru dianggap "perancang" untuk merangka pengajaran yang berkesan. Dalam pengajaran bahasa Melayu, guru yang telah diberi kepercayaan untuk merancang sesuatu yang mampu memberikan impak positif kepada anak didiknya. Berbekalkan ilmu pengetahuan, ilmu pedagogi, ilmu falsafah dan sosiologi, dan set otak yang kreatif, kritis, dan inovatif, guru mempunyai strategi yang mampu menarik perhatian sebilangan besar murid untuk menaakul ilmu pengetahuan.

Imaginasi dapat dikaitkan dengan keupayaan pendidik memanfaatkan kemampuan otak yang sedia ada. Kecergasan otak yang memberikan daya imaginasi bergantung pada perasaan ingin tahu dengan alat atau sarana yang ada. Haiwan menggunakan otak dan nalurinya untuk mencungkil makanan dari pokok atau sumber alam yang lain untuk mendapatkan makanan. Semua ini merupakan cara fungsional, tetapi terbatas dalam penggunaannya. Namun begitu, hubungan pendidik dengan peralatan secara kualitatif yang berbeza; kita tampak seperti menanamkan alat ke dalam acuannya dengan cara yang aneh.

Guru inginkan muridnya berjaya menguasai aspek bahasa dengan baik. Lantaran itu, imaginasi guru yang kreatif dan inovatif akan membawa murid menguasai ilmu secara tuntas. Hal ini sejajar dengan tanggungjawab guru untuk membina generasi yang berilmu selari dengan lulus falsafah pendidikan negara serta mengikut hasrat masyarakat, kehendak agama, dan aspirasi negara.

Pendekatan imaginatif dianggap bersifat konvensional. Namun, jika diberikan huraian secara konseptual, pendekatan ini melibatkan penglibatan seorang guru yang kreatif, kritis, dan inovatif. Pendekatan ini juga melibatkan pemahaman baharu tentang cara melibatkan imaginasi murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku secara formal. Hal ini bermakna murid tidak memerlukan desakan yang berkobar-kobar untuk belajar tentang sistem bahasa, tatabahasa, dan gaya bahasa, tetapi pengajaran akan berhasil

melalui keterlibatan emosi murid dengan subjek yang mereka pelajari. Semua ini bertolak dari premis utama, iaitu ilmu pengetahuan ialah mekanisme untuk membina tamadun manusia yang lebih bersifat intelektual dan ilmu ialah produk harapan dan ghairah manusia.

Dalam hal ini, kebolehan berimaginasi dapat dianggap suatu sumbangan yang kecil bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan. Perkara yang penting, sifat imaginasi bertujuan untuk meningkatkan fleksibiliti, kreativiti, dan gaya berfikir. Di samping itu, tujuannya adalah untuk membina keyakinan murid bagi meningkatkan pengetahuan tentang dunia dan pengalaman.

### Elemen Imaginasi dalam Pengajaran

Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu yang melibatkan komponen sastera, guru harus sedar bahawa unsur teknik pengajaran secara konvensional yang ada ketikanya dianggap perlu, harus mengalami perubahan dari segi strategi dan aktiviti pengajaran. Untuk menikmati dan menghayati karya sastera dalam pengajaran bahasa Melayu, semasa merangka strategi pengajaran yang berkesan aspek imaginasi perlu diserapkan secara bijak. Ahli psikologi, iaitu David Ausubel membuktikan bahawa idea pembelajaran dapat ditingkatkan apabila seseorang memulakannya dengan memberikan murid beberapa naluri berstruktur daripada apa-apa yang dibekalkan untuknya. Pada masa kini, murid perlu menelusuri enam genre sastera (puisi tradisional, sajak, prosa tradisional, cerpen, drama,

dan novel), guru mempunyai kesedaran yang tinggi untuk menangani teks tersebut supaya dapat diajarkan dengan lebih berkesan.

Pengajaran yang berlandaskan genre sastera sebagai bahan dapat membantu guru serta murid membina imaginasi yang segar. Oleh itu, guru mempunyai kesempatan untuk membina perancangan pengajaran dengan mengambil kira teknik pengajaran yang mempunyai elemen imaginasi. Elemen ini secara psikologinya menggunakan alat kognisi primer. Antara elemen imaginasi yang dapat diaplikasikan dalam pengajaran termasuklah cerita, metafora, rima, ritma, pola, lelucon dan humor, gambaran mental, sandiwara, dan misteri.

Cerita merupakan salah satu alat kognisi paling ampuh yang dimiliki oleh murid, yang sudah tersedia untuk melibatkan imaginasi yang dimanipulasikan ilmu pengetahuan yang lain. Cerita dapat membentuk pemahaman emosional murid terhadap isi cerita. Malah cerita dapat membentuk pemikiran global dan global yang mempunyai ikatan fiksiyen dan non-fiksiyen. Contohnya, guru dan murid boleh menyampaikan inti pati prosa tradisional, cerpen, drama, dan novel dengan gaya dan persembahan yang terbaik. Proses imaginasi berkaitan dengan aspek watak dan latar boleh diterjemahkan oleh guru atau pun murid.

Alat yang memungkinkan kita untuk melihat perkara realiti dalam perspektif yang lain disebut metafora. Pembinaan imaginasi ini dapat diperhatikan melalui pengajaran puisi. Kemampuan aneh ini terletak pada pusat daya intelektual, kreativiti, dan imaginasi manusia, di samping berimaginasi untuk menggambarkan unsur konkrit dan abstrak. Aspek ini penting untuk membantu murid dalam mempertahankan kemampuan agar secara nyata tetap ada melalui aktiviti atau latihan yang sering digunakannya pada waktu pengajaran. Cara ini akan membantu



Teknik pengajaran secara konvensional yang menggunakan buku teks sepenuhnya, harus mengalami perubahan dari segi strategi dan aktiviti pengajaran.

murid untuk membaca dengan tenaga dan kelenturan minda.

Rima, ritma, dan pola pula merupakan alat yang berpotensi untuk memberikan bentuk yang bermakna, mudah diingat, dan menarik. Guru mesti bijak menyusun strategi, terutama genre puisi tradisional kerana alat ini mempunyai banyak simbol dan muzik. Unsur muzik dapat dikesan pada unsur gaya bahasa dan pola diksi.

Guru boleh menunjukkan beberapa cara dasar bahasa yang terdapat dalam teks prosa moden atau tradisional melalui lelucon dan humor. Dalam masa yang sama, murid dapat bermain untuk memperoleh ilmu pengetahuan sehingga menemukan keseronokan. Dengan cara ini mereka dapat menghindarkan kebutuhan imaginasi dan sekali gus dapat memvariasikan dimensi fikiran.

Dalam pengajaran bahasa, gambaran mental ialah elemen yang dikaitkan dengan teknik bayangan minda. Namun begitu, secara konseptual, elemen ini merupakan alat perluasan kepentingan emosi, yang akan mempengaruhi hidup murid. Dalam masyarakat yang sedang menghadapi zaman milenium, elemen ini menjadi

“Imaginasi dapat dikaitkan dengan keupayaan pendidik memanfaatkan kemampuan otak yang sedia ada. Kecergasan otak yang memberikan daya imaginasi bergantung pada perasaan ingin tahu dengan alat atau sarana yang ada.”



...ing untuk membenarkan murid membangkitkan gambaran mental mereka sendiri. Kebiasaannya, gambaran yang unik membawa kepada kekuatan yang lebih imaginatif dan mudah diingat daripada konsep itu sendiri. Penggunaan gambaran mental harus berperanan besar dalam pengajaran dan pembelajaran.

Alat kognisi yang saling berkaitan dan dapat membantu murid membebaskan diri mereka sendiri dari penggunaan perilaku atau objek semasa berada di bilik darjah ialah sandiwara. Aspek nilai dan pengajaran dapat dipilih sebagai aspek yang diajarkan oleh guru. Murid dapat memperluas pemahaman mereka tentang norma dan batasan perilaku. Sandiwara juga dapat memperkukuhkan peribadi murid seperti kemampuan mengurus diri sendiri dan menghindarkan diri daripada melakukan tindakan yang tidak wajar. Dalam hal ini, guru boleh membentuk perlakuan murid supaya patuh dengan peraturan hidup yang positif secara fleksibel.

Misteri juga penting dalam mengembangkan pertalian dengan ilmu pengetahuan yang berada di luar diri murid. Misteri mencipta kesan yang menarik tentang perkara yang boleh menimbulkan kejutan. Contohnya, unsur saspens yang terdapat dalam cerpen atau novel mampu membina imaginasi murid. Semua karya sastera mempunyai nilai misteri yang memberi impak ilmu. Sekiranya guru dapat mengolah pengajaran yang lebih aktif dan berkesan, unsur ini dapat mencorakkan gaya berfikir.

Elemen yang dikira sesuai digunakan perlu dilakukan dengan mengambil kira keterlibatan

imaginasi murid yang merupakan pusat untuk mencetuskan pemikiran. Apabila melibatkan imaginasi murid dan dilihat dengan keyakinan guru, elemen dapat membina iklim pengajaran yang lebih kondusif.

Pendekatan ini nampak janggal pada awalnya kerana seolah-olah banyak menghabiskan waktu guru yang terpaksa mengejar sukatan pelajaran. Namun begitu, kebijaksanaan dan kesabaran guru merupakan natijah untuk pencapaian pengajaran yang lebih berkesan. Lama-kelamaan teknik ini dapat diseraskan secara lebih berkesan dan mempunyai objektif untuk guru memvariasikan pengajaran dan akhirnya melibatkan murid dalam pembelajaran.

Teknik imaginasi menjadi cabaran kepada guru supaya lebih bersedia dengan tanggungjawab. Malah imaginasi turut mencabar guru untuk memaksimumkan susunan pengetahuan dalam aspek budaya kerana murid dapat mengubah paradigmanya untuk membina alat kognitifnya supaya lebih bermanfaat. Lebih jauh dari itu, pendekatan ini mencabar kewibawaan guru. **PB**

“Dalam masyarakat yang sedang menghadapi zaman milenium, elemen ini menjadi penting untuk membenarkan murid membangkitkan gambaran mental mereka sendiri. Kebiasaannya, gambaran yang unik membawa kepada kekuatan yang lebih imaginatif dan mudah diingat daripada konsep itu sendiri. Penggunaan gambaran mental harus berperanan besar dalam pengajaran dan pembelajaran.”

